

21 MAR 1996

PRESIDEN JETRO PUNYAI PANDANGAN POSITIF MENGENAI EAEC

Oleh: M. Jegathesan

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai sebuah kumpulan perundingan patut dilihat secara positif, kata Noboru Hatakeyama, presiden Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO).

Bukanlah menjadi satu kesalahan bagi negara-negara tertentu menubuhkan kumpulan seperti itu, kata beliau dalam satu temuramah di sini.

"EAEC hanyalah sebuah kumpulan perundingan," kata Hatakeyama, bekas naib menteri bagi hal ehwal antarabangsa di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Jepun yang dianggap sebagai salah satu cawangan eksekutif yang berpengaruh.

Bagaimanapun, Hatakeyama berkata, "Pendirian kerajaan Jepun mengenai EAEC masih belum diputuskan."

Penubuhan EAEC dicadangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1991 bertujuan mewujudkan suatu forum bagi negara-negara Asia Timur membincangkan isu-isu ekonomi bersama.

"Daripada segi logik, adalah baik mempunyai sebuah kumpulan kerana ia memudahkan perbincangan diadakan antara satu sama lain ... tetapi, kita patut juga mengambil kira perasaan negara lain yang tidak diajak menyertainya," tegas beliau.

Keanggotaan kumpulan perundingan yang dicadangkan itu hanya membabitkan negara-negara Asia -- tujuh negara ASEAN, Jepun, China, dan Korea Selatan -- tanpa membabitkan Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

Hatakeyama mengakui bahawa dalam MITI sendiri terdapat pandangan berbeza mengenai EAEC.

"Ada kalangan yang tidak bersetuju dengan penubuhan badan perundingan tersebut kerana ia tidak membabitkan Australia dan New Zealand," jelas beliau.

"Mereka berpendapat kedua-dua negara tersebut perlu dijemput menyertainya," kata Hatakeyama. Ditanya apakah penolakan penyertaan Amerika ke dalam badan itu menjadi salah satu sebab mengapa sesetengah pegawai MITI membantah kemasukan Jepun ke dalam EAEC, beliau berkata perkara itu tidak berkaitan.

Apabila diminta menjelaskan mengenai pendirian Kementerian Luar dan Kementerian Kewangan Jepun mengenai penyertaan Jepun dalam EAEC, beliau berkata: "Saya tidak tahu."

Adalah dipercayai bahawa terdapat pandangan yang berbeza daripada ketiga-tiga kementerian tersebut dan ini sekali gus mencerminkan kerumitan yang dihadapi dalam proses membuat keputusan yang dihadapi oleh kerajaan Jepun.

Mengenai peranan JETRO di Malaysia, Hatakeyama berkata, "JETRO akan cuba membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana Malaysia mencari pasaran baru di Jepun di mana permintaan bagi komponen dan bahagian semakin meningkat berikutan kenaikan kos pengeluaran di negara itu."

Menurut beliau, defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun sebahagian besar berpunca daripada pengimportan barangan modal pertengahan. Salah satu peranan JETRO ialah menambah jumlah eksport ke Jepun.

Defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun adalah yang terbesar dalam tempoh 10 bulan tahun lepas iaitu sebanyak RM25.13 bilion. Ini merupakan pertambahan lebih RM18.82 bilion berbanding dalam tempoh 10 bulan pertama 1994. -- BERNAMA

JSM DIN SIA

